



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Program
KECERIAAN
ANTARA KEMENTERIAN

SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN 2021

1 OGOS HINGGA
16 SEPTEMBER 2021

BERTEMAKAN MALAYSIA PRIHATIN



Program Keceriaan Antara Kementerian bertujuan memberi galakkan khususnya kepada semua penjawat awam untuk menzahirkan semangat patriotik di samping menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan.



Program ini memberi fokus kepada kreativiti peserta untuk menceriakan premis kementerian masing-masing dengan kibaran Jalur Gemilang.

Tarikh Pelaksanaan :

1 Ogos hingga 16 September 2021

Kaedah Pelaksanaan :

Dilaksanakan secara bersemuka

Kumpulan sasar :

Semua kementerian di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tema

Malaysia Prihatin

Syarat dan Peraturan

1. Semua kementerian di seluruh Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah WAJIB untuk menyertai program ini.
2. Pihak kementerian hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menilai aspek keselamatan berkaitan penggantungan bendera di luar bangunan.
3. Penggantungan dan hiasan menggunakan bendera atau jata negara hendaklah mematuhi akta dan peraturan seperti yang dijelaskan melalui Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2005: Pemakaian Lambang Kerajaan Persekutuan dan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 1994: Pengibaratan Jalur Gemilang Di Bangunan-Bangunan Persekutuan Seluruh Negara.
4. Pihak kementerian disarankan untuk mendapatkan khidmat nasihat atau semakan mengenai tatacara penggantungan dan hiasan dengan merujuk kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri.



5. Pihak kementerian juga boleh merujuk buku panduan mengenai tatacara penggantungan dan hiasan bendera serta penggunaan jata negara dengan merujuk buku terbitan Jabatan Penerangan Malaysia yang berjudul 'Buku Menghormati Lambang-Lambang Kebesaran Negara; Jata Negara, Jalur Gemilang dan Alat-Alat Kebesaran Diraja' di pautan <http://dbook.penerangan.gov.my>.
6. Penilaian akan dilakukan kepada semua premis, ruang pejabat dan bangunan kementerian di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
7. Penilaian dibuat berdasarkan gambar, lawatan tapak dan sesi soal jawab antara wakil kementerian dengan panel penilai.
8. Sesi penilaian akan bermula pada 16 hingga 20 Ogos 2021.
9. Semua kementerian akan diberi penilaian dengan penarafan bintang.
10. Keputusan panel hakim adalah muktamad.



Kriteria Penilaian

Perincian kriteria adalah seperti yang berikut:

Bil	Perkara	Markah
1.	Kreativiti <ul style="list-style-type: none">➤ Keunikan hiasan yang melambangkan kemerdekaan.➤ Pembentukan mercu tanda seperti gerbang, arca dan sebagainya.➤ Kekemasan susun atur bendera.➤ Menonjolkan suasana keceriaan dan kemeriahan sambutan kemerdekaan.	40
2.	Daya Tarikan <ul style="list-style-type: none">➤ Menonjolkan kelainan seperti penggunaan bahan-bahan yang menjimatkan atau bahan-bahan terpakai dengan menerapkan warna-warna bendera Malaysia.➤ Menyerlahkan sambutan bulan kebangsaan dengan mempamerkan bendera terbesar, terpanjang, terbanyak dan sebagainya.➤ Kekemasan sudut merdeka.	30
3.	Nilai Tambah <ul style="list-style-type: none">➤ Menterjemahkan tema hari kebangsaan dengan menyediakan pantun, slogan atau kata-kata patriotik dalam bentuk <i>streamer</i>, paparan, kain rentang dan sebagainya.➤ Reka bentuk yang mencerminkan tema hari kebangsaan.➤ Kerjasama dan penglibatan pegawai di kementerian.	30
Jumlah markah keseluruhan		100

Penarafan Bintang

Sijil Penarafan Bintang akan diberikan kepada Kementerian berdasarkan kepada lima (5) bentuk pengiktirafan. Sijil ini adalah sah bagi tempoh satu (1) tahun sahaja.

Pengiktirafan Keceriaan Kementerian	Penarafan	
	Markah	Bintang
Cemerlang	86-100%	★★★★★
Baik	71-85%	★★★★
Memuaskan	61-70%	★★★
Kurang Memuaskan	51-60%	★★
Tidak Memuaskan	50% dan ke bawah	★

